


(b) **Kawalan serangga**

Pokok-pokok mudah diserang serangga perosak terutamanya bila pucuk mula keluar. Pemerhatian dan kawalan perlu dibuat dari masa ke semasa. (dahan-dahan yang meliar perlu dicantas).

(c) **Cantasan**

Cantasan pokok perlu dibuat dari masa ke semasa bagi mendapatkan bentuk yang cantik dan menarik.

- Pokok teduhan yang mengeluarkan bunga berbau harum.
- Pokok teduhan yang rendang sesuai untuk taman-taman perumahan.
- Kawasan tepi jalan raya sesuai ditanam dengan pokok teduhan yang terkawal.



Permohonan berkaitan hendaklah dikemukakan kepada:-

**Jabatan Landskap & Rekreasi
Majlis Bandaraya Ipoh**

Taman Rekreasi Gunung Lang,
Off Jalan Kuala Kangsar,
30010 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi

Tel : 05-5062088

HOTLINE MBI

05-255 1515

* Pindaan dan perubahan apa-apa perkara di atas adalah tertakluk kepada kelulusan semasa oleh Majlis

REKABENTUK : MAJLIS BANDARAYA IPOH
HAKCIPTA TERPELIHARA

MENANAM POKOK TEDUHAN



IPOH BERSIH, HIJAU & MEMBANGUN

PENGENALAN

Tumbuh-tumbuhan adalah penting untuk kehidupan manusia. Pembangunan Bandar dan penempatan baru telah memisahkan manusia dari keadaan alam semulajadi. Oleh yang demikian penanaman semula pokok-pokok teduhan adalah perlu bagi memperbaiki kembali keadaan alam sekitar.

Pokok-pokok teduhan dibahagikan kepada tiga (3) kumpulan:

- (a) Rendang : 6m - 9m
- (b) Sederhana: 9m - 18m
- (c) Tinggi : melebihi 18m

FUNGSI POKOK-POKOK TEDUHAN

- (a) Memberi teduhan dan pendingin udara di kawasan sekitar.
- (b) Pokok-pokok dapat mengurangkan tiupan angin kebisingan dan menahan habuk dan udara yang kotor.
- (c) Dapat menghindar hakisan dan mengurangkan tekanan hujan lebat.
- (d) Keseimbangan fizikal dan ekologi amat perlu dalam pembangunan kawasan.
- (e) Membekal oksigen dan menyerap karbon dioksida di persekitaran.

PEMILIHAN POKOK-POKOK

Pemilihan pokok-pokok adalah berdasarkan kepada keadaan kawasan, kesesuaian tanah dan kesesuaian pokok serta jarak penanaman.

Ciri-ciri penting yang terlibat ialah:

- a) Bentuk kanopi
- b) Sistem perakaran
- c) Keindahan (bebunga)
- d) Penjagaan
- e) Jangka masa hidup

CONTOH POKOK-POKOK TEDUHAN DAN CARA PEMBIAKAN

| NAMA POKOK | CARA BIAK |
|---|-------------------------------|
| <i>Peltophrum pterocarpum</i> (Jemerlang Balai Laut/ Yellow Flame) | biji |
| <i>Delonix Regia</i> (Semarak Api) | biji |
| <i>Entorolobium saman</i> (Pokok Lima/Raintre) | biji |
| <i>Eugenia gadis</i> (jambu Laut) | biji |
| <i>Erythina indica</i> (Dedap) | keratan batang dahan dan biji |
| <i>Fragaea Fragans</i> (Tembusu) | biji |
| <i>Mimusops elengi</i> (Tanjung) | biji |
| <i>Cinnamomum Iners</i> (Kayu Manis) | biji |
| <i>Casuarina equisetifolia</i> (Rhu Cemara) | biji |



CARA MENANAM

- (a) Ukuran lubang:
Sesuai 1m x 1m x 1m
- (b) Campuran tanah:
1 bahagian pasir
2 bahagian tanah
2 bahagian organan + 300gm baja fosfat asli
- (c) Jarak tanaman:
Mengikut jenis pokok, bentuk kanopi dan kesesuaian tempat
- (d) Masa menanam:
Musim hujan/kadar kelembapan yang tinggi
- (e) Kayu Pancang:
Pokok hendaklah dipancang untuk tumbesaran yang sempurna
- (f) Siram;
Pokok yang baru ditanam perlulah disiram dua (2) kali sehari pada kadar yang tertentu.

PENJAGAAN SELEPAS MENANAM

- (a) **Pembajaan**

| Umur pokok (tahun) | Kadar (kg) | Kekerapan/ Tahun |
|--------------------|------------|------------------|
| 1 - 3 | 1.5 - 2.0 | 4 |
| 3 - 5 | 2.0 - 2.5 | 3 |
| 5 ke atas | 2.5 - 3.0 | 3 |